

# MINYAK URUT QIAN LI ZHUI FENG YEW CAP PANCOR MAS

*Methyl Salicylate 60% w/v, Menthol 2% w/v, Camphor 1% w/v*

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Zhui Feng Yew
2. Bagaimana Zhui Feng Yew berfungsi
3. Sebelum menggunakan Zhui Feng Yew
4. Cara menggunakan Zhui Feng Yew
5. Semasa menggunakan Zhui Feng Yew
6. Kesan- kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Zhui Feng Yew
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor Siri

## Apakah kegunaan Zhui Feng Yew

Ia memberi kelegaan simptomatik untuk sakit otot dan sendi, bengkak dan lebam.

## Bagaimana Zhui Feng Yew berfungsi

*Methyl salicylate*, *menthol* dan *camphor* adalah analgesik luaran yang merangsang rasa kehangatan dan/ atau sejuk. Ini menghasilkan tindakbalas yang merengsa yang memberikan kelegaan sementara sakit ringan pada otot dan sendi yang berkaitan dengan sakit belakang, artritis, ketegangan dan seliuh.

## Sebelum menggunakan Zhui Feng Yew

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan guna sekiranya anda alah terhadap sebarang bahan kandungan dalam Zhui Feng Yew ini.

### - Sebelum menggunakan

Pada mulanya sapu dengan kuantiti yang kecil pada kawasan kulit yang terhad dan memerhati sama ada ketidakselesaan atau gatal berlaku sebelum sapu pada kawasan kulit yang lebih besar. Jika iritasi kulit berlaku, sila berhenti menggunakannya.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi tentang ubat lain yang anda sedang ambil.

Penyapuan yang berlebihan oleh pesakit yang mengambil warfarin mungkin meningkatkan risiko pendarahan.

## Cara menggunakan Zhui Feng Yew

### - Berapa banyak harus digunakan

Gosokkan pada bahagian terlibat 3 hingga 4 kali sehari.

Untuk kegunaan luar sahaja. Tidak boleh dimakan.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

### - Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Teruskan menggunakannya seperti yang diarahkan oleh doktor anda atau ikut arahan pada label pek.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat jika terambil dos berlebihan.

Gejala termasuk sakit kepala, pening, loya dan muntah, kerengsaan kulit, dermatitis, ruam, kegatalan, kemerahan atau bengkak, rasa panas dan menyegat, boleh dikawal dengan mengurangkan dos.

## Semasa menggunakan Zhui Feng Yew

### - Perkara yang perlu dilakukan

- Maklumkan doktor atau ahli farmasi anda semua ubat yang anda sedang ambil.
- Elakkan bersentuhan dengan mata.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan sapu pada luka atau kulit yang rosak.
- Jangan sapu pada kulit yang merengsa.
- Jangan balut kawasan yang terjejas.
- Jangan gunakan dengan pad pemanas atau peranti.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Tanya pengamal perubatan kesihatan anda apa- apa soalan yang anda mungkin ada tentang bagaimana untuk menggunakan Zhui Feng Yew.

## Kesan-kesan sampingan

Sakit kepala, pening, loya dan muntah, kerengsaan kulit, dermatitis sentuh, ruam, kegatalan, kemerahan atau pembengkakan, rasa panas dan menyegat mungkin berlaku. Boleh menyebabkan tindak balas hipersensitiviti / alergi pada sesetengah

individu yang mempunyai masalah kulit sensitif.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) [Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

## Cara penyimpanan dan pelupusan Zhui Feng Yew

### - Penyimpanan

Simpan di bawah 30°C. Jauhkan daripada pancaran terus matahari. Jauhkan daripada capaian kanak- kanak.

### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Product Description

### - Rupa dan warna produk

Minyak berwarna merah dengan bau cirian.

### Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif  
*Menthol, methyl salicylate, camphor*
- Bahan tidak aktif  
*Eucalyptus oil, oil soluble red, turpentine oil*

### - Nombor MAL:

MALXXXXXXC

## Pengilang

Syarikat Wen Ken Drug Sdn Bhd  
24, Jalan Lambak, Taman Johor, 81200  
Johor Bahru, Johor, Malaysia.

## Pemegang Pendaftaran Produk

Diamond Medical Company  
No. 59, Lorong Asasjaya 5, Asasjaya  
Industrial Park, 14100 Bukit Mertajam,  
Penang.

## Tarikh kemaskini RiMUP

18/02/2020

## Nombor Siri

NPRA (R2) 19/186